

Kaji semula peruntukan dalam Kod Etika Hakim

UM 27 JUN 2001

JELEBU 26 Jun — Badan kehakiman negara perlu mengkaji semula peruntukan dalam Kod Etika Hakim dengan memasukkan beberapa peruntukan bagi memastikan para hakim bertindak secara bebas dan adil, tetapi tidak membuat penghakiman yang mempunyai hubungan kait dengan soal peribadi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Rais Yatim berkata, kajian itu perlu bagi mengelakkan tindakan Hakim Datuk Muhammad Kamil Awang yang mengheret mahkamah ke dalam kontroversi umum daripada berulang pada masa depan.

Sehubungan itu, Rais meminta Ketua Hakim Negara, Tan Sri Mohamed Dzaidin Abdullah meng-

ambil iktibar daripada apa yang disebut oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa tindakan hakim terabit telah mencemarkan imej badan kehakiman.

Kod Etika Hakim telah diluluskan pada 1994.

Beliau mahu badan kehakiman memperbaiki tingkah laku, peradaban dan etika seseorang hakim semasa menjatuhkan hukuman atau semasa mengeluarkan pendapat dalam penghakimannya.

“Ini semua perlu dijelaskan kepada hakim-hakim,” katanya ketika ditemui selepas merasmikan Majlis Penutupan Khemah Kerja Belia Jelebu di Hulu Jelebu dekat sini, hari ini.

Beliau menyatakan demikian ketika diminta menengulas kenyataan Perda-

na Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa Mohammad Kamil sepatutnya membuat pendedahan lebih awal mengenai tekanan melalui telefon yang diterimanya kerana insiden itu secara tidak langsung merupakan ugutan terhadap kerajaan.

Menurut Rais, beliau akan berhubung dengan Ketua Hakim Negara untuk menjelaskan mengenai pandangan kerajaan berhubung penghakiman Muhammad Kamil tempoh hari.

Beliau mengakui penghakiman Muhammad Kamil sedikit sebanyak telah menjejaskan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh jabatan beliau untuk meningkatkan semula imej kehakiman.